



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

CAWANGAN SARIKEI

No. 2-3, Lorong Jubli Mutiara 2,
Jalan Bersatu,
96100 SARIKEI,
SARAWAK, MALAYSIA

Tel: 084-654032, 654043

Faks: 084-652087

Laman Web: <https://sarikei.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.SRK.600-6/4/2 Jld.9(6)

Tarikh : 18 Oktober 2024

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Bahagian Sarikei

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Bahagian Sarikei

Tuan/Puan,

PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2024 (LEJAR AKRUAN)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.600-2/2/4 (8) bertarikh 16 Oktober 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 (Interim - Lejar Akruan) berakhir 30 September 2024 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Sarikei hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

Bil	Item Penyata Kewangan	Kod Akaun	Lampiran	Rujukan Laporan Portal
1.	Deposit	L11*	N(A) , N(B)1 & N(B)2	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMAS.
2.	Terimaan Tak Ditunai	A0311101	B3	Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMAS
3.	Akaun Belum terima (ABT) Ongoing Recevables	A0481101	B7 & B7(A)	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMAS

b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Sarikei adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya **28 Oktober 2024 (Isnin)**. PTJ hendaklah mengemukakan **3 SET ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan.

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG** dan **disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan** tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sarikei. Dilampirkan bersama panduan berikut untuk rujukan tuan/puan:

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Cawangan Sarikei seperti berikut :

Bil	Perkara	Unit / No Telefon
1	Akaun Deposit , Pengesahan ABT <i>Ongoing Receivables</i>	Unit Akaun 084-654043 Ext :118

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 (Lejar Akruan) adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(JULIA ANAK JAPOK C.A.(M), CPA (Aust.))
Pengarah Cawangan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sarikei